

---

## HALA TUJU PEMBANGUNAN STRATEGIK DAN DASAR PERDAGANGAN TENAGA BOLEH BAHARU

---

Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) sebagai Kementerian yang bertanggungjawab terhadap sektor bekalan elektrik negara akan bekerjasama dengan Kementerian Ekonomi untuk menetapkan perancangan dan menentukan inisiatif serta program baharu tenaga boleh baharu (TBB) bagi memacu pembangunan industri TBB negara. Sehubungan dengan itu, cadangan mengenai perkara ini telah dibentangkan ke Jemaah Menteri pada 3 Mei 2023 dan Jemaah Menteri telah bersetuju supaya:

- (a) kapasiti penjanaan TBB ditingkatkan bagi mewujudkan peluang pertumbuhan ekonomi baharu dengan merancang industri TBB negara di samping memastikan jaminan bekalan tenaga;
- (b) pelaksanaan pembangunan TBB diperluaskan berdasarkan konsep sistem sendiri (*self-contained systems*) bagi menggalakkan pelaburan di sepanjang rantai nilai industri TBB dan mempelbagaikan program TBB yang berasaskan prinsip *willing buyer, willing seller* bagi menggalakkan penglibatan syarikat korporat;
- (c) peruntukan pembangunan bagi pemasangan sistem solar di bangunan Kerajaan akan disediakan, bagi memberi manfaat secara terus dari segi penjimatan bil elektrik kepada kementerian dan agensi-agensi Kerajaan; dan
- (d) dasar perdagangan TBB merentas sempadan akan dilaksanakan melalui kaedah sistem pasaran tenaga elektrik (*electricity exchange system*), yang akan dibangun dan ditetapkan oleh Kerajaan.

Dengan perkembangan ini, kapasiti TBB dalam sistem pembekalan elektrik dijangka akan ditingkatkan kepada kira-kira 70% menjelang tahun 2050. Peningkatan kapasiti TBB ini juga akan membolehkan lebih kapasiti yang dijana, didagangkan merentas sempadan dengan negara jiran di rantau ini berdasarkan mekanisme yang akan ditetapkan Kerajaan, seterusnya menjayakan hasrat untuk merealisasikan ASEAN Power Grid.

Unjuran peningkatan kapasiti ini adalah selaras dengan hasil Laporan *Malaysia Energy Transition Outlook (METO)* mengenai unjuran laluan sistem tenaga rendah karbon, yang akan dirangkumkan dalam Pelan Pembangunan Penjanaaan atau Power Development Plan (PDP) negara.

Usaha untuk peningkatan kapasiti TBB ini dijangka memerlukan pelaburan baharu yang dianggarkan berjumlah RM637 bilion sehingga tahun 2050, yang merangkumi pelaburan dalam sumber penjanaaan TBB serta pengukuhan infrastruktur grid termasuk sambung tara, integrasi sistem penstoran tenaga dan kos operasi sistem rangkaian grid. Perincian kos dan nilai pelaburan yang terlibat termasuk implikasi kepada tarif pengguna elektrik akan diteliti oleh NRECC.

**YB NIK NAZMI NIK AHMAD**  
**MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM**

**9 MEI 2023**